

# Penjelasan Ketua Audit Negara, SPRM memadai

**P**UTRAJAYA: Penjelasan Ketua Audit Negara dan siasatan pihak berkuasa termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta pihak polis berhubung projek Pusat Fidlot Nasional (NFC) sudah memadai, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Justeru, beliau berkata Suruhanjaya Siasatan Diraja tidak perlu ditubuhkan untuk menyiasat projek terbabit.

"Saya fikir langkah yang diambil sudah memadai kerana tujuan kita untuk menentukan status sebenar dan selepas penjelasan yang dibuat Ketua Audit Negara (Tan Sri Ambrin Buang) dua hari lalu (Selasa), bermakna kenyataan yang dikeluarkan pelbagai pihak yang menyatakan projek itu gagal atau 'in a mess' sudah pun dinafikan beliau.

"Dalam peringkat sama, beberapa agensi penguatkuasaan seperti pihak polis dan SPRM sudah membuat siasatan, kita harap hasil siasatan dapat disiapkan segera supaya kita akan tahu kedudukan sebenarnya.

"Dari pihak kerajaan sendiri, kita sudah melantik syarikat perunding kewangan yang akan buat 'due diligence', maksudnya untuk melihat semua sekali, termasuk status kewangan syarikat (National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC) ) ini, di mana perbelanjaan sudah dibuat, pinjaman yang sudah dibekalkan, berapa baki wang dan sebagainya," katanya pada sidang media selepas menghadiri taklimat tertutup Umno Bahagian Putrajaya di Presint 15, di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen Putrajaya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.